AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : DEPAN
RUANGAN :

500 masih dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu

WAD DALAM AIR

Laluan keluar masuk dinaiki air lebih satu meter manakala wad di tingkat bawah melimpah lebih setengah meter, namun 500 pesakit masih dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu. Ini kerana hospital itu hanya boleh memindahkan 30 pesakit kritikal ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian yang juga sudah penuh.

3 LANGKAH BANTU MANGSA BANJIR

- Peruntukan khas RM500 juta
- Percepat pemberian BR1M
- Penjadualan semula bayaran balik pinjaman

2,3,4,5,6,7,8,10,11,14,15,18,20&21

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : SETEMPAT

Oleh Jamilul Anbia Md Denin, Mohd Nasif Badruddin, Mohd Fauzi Abdullah, Maiamalina Mohamed Amin, Isma Ismail, Helmy Abd Rahman, Syah Rul Aswari Abdullah, Mohd Firdaus Ibrahim, Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz, Zatul Iffah Zolkiply, Mohd Azam Shah Yaacob, Amir Abd Hamid, Asmah Rusman, Muhamaad Razis Ismail, Shamsul Munir Safini, Raja Noraina Raja Rahim, Siti A'isyah Sukaimi, Mohd Hafizee Mohd Arop, Fazurawati Che Lah, Rizanizam Abdul Hamid, Ikram Ismail, Siraj Mohd Zaini, Mahaizura Abd Malik, Aizat Sharif Mohd Rizal Abdullah, Mohd Fahd Rahmat, Idris Sulaiman, Mohammad Ishak, Azlan Hafeedz, Syazwan Msar, Ismail Muhamad, Amran Yahya, Mohd Zulhairie Manzaidi, Redzuan Muharam, Shaiful Shahrin, Ahmad Pauzi, Shamsudin Husin, Balqis Jazimah Zahari, Munirah Musthpar, Rosli Ilham, Khairul Hamizy Ramlee dan Mohd Hasbi Sidek
am@hmetro.com.my

FOTO: ZAMAN HURI ISA

KAKITANGAN HRPZ II Kota Bharu memindahkan bekalan perubatan ke HUSM Kubang Kerian setelah dilimpahi air dari Sungai Kelantan.

BAH MELANDA

Pusing hospital cari emak koma

Wartawan Harian Metro tinjau HUSM terima pesakit dipindah

Maiamalina Mohamed Amin melaporkan

Dari jauh kelihatan sepasang belia berusia 20-an berjalan laju seperti terkejar 'sesuatu'.

Mata mereka meliar mencari lorong mana yang perlu dilalui kerana bangunan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian yang mungkin asing bagi mereka.

Apatah lagi, Jabatan Trauma dan Kecemasan HUSM yang sebelum ini beroperasi di bangunan lama berpindah ke bangunan baru sejak beberapa minggu lalu bagi menampung keperluan pesakit yang semakin ramai berikutan banjir.

Wartawan menyedari keadaan itu apabila setengah jam pertama berada di jabatan berkenaan, pegawai perubatan tidak menang tangan dan dalam tempoh itu saja tiga ambulans masuk membawa pesakit baru.

Lebih menyedihkan melihat 15 pesakit sugul menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan.

Sementara pasangan itu pula, masih lagi tercari-cari 'sesuatu' hinggalah seorang jururawat kanan memberitahu kawasan dimasukinya bukan untuk pelawat biasa.

"Ini zon unit rawatan rapi (ICU), nak ke sana bukan ikut laluan ini. Pelawat yang hendak jaga pesakit saja boleh masuk.

"Adik cuba cari di tingkat satu, ikut laluan belakang masuk pintu sebelah kiri," kata jururawat itu sebelum pasangan terbabit berlalu mengikut arahan diberi.

Kesempatan itu, wartawan gunakan untuk dekati mereka dan Faizul Izwan Mohmad Shukri, 20, memberitahu dia mencari ibunya yang koma yang sebelum ini menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu.

"Sebelum ini emak dirawat di HRPZ II, namun kerana banjir, dia dimasukkan ke sini.

"Tetapi doktor yang memaklumkan perkara itu tidak memberitahu kami di wad mana dia ditempatkan. Itu yang satu HUSM kami pusing hinggalah ke bangunan baru ini," katanya.

Kami kemudian bergerak ke wad yang menempatkan ibu Faizul Izwan dan menemui wanita berusia 52 tahun itu dalam keadaan baik di bawah jagaan kakitangan HUSM.

Dia ditempatkan dalam wad bersama empat pesakit lain yang semuanya menggunakan bantuan oksigen untuk bernafas.

"Lega dapat tengok emak hari ini (semalam) kerana sudah empat hari saya tak tengok dia sejak air bah naik. Saya tinggal di Selinsing, Pasir Puteh dan rumah saya tak kena banjir, tetapi untuk bergerak ke sini terpaksa tempuh banyak halangan.

"Di rumah kami pun banyak urusan sebab ada jiran dan saudara yang menumpang, kereta tak mencukupi, malah petrol pun tak cukup disebabkan banyak stesen minyak kehabisan bekalan.

FAKTA
Ibu mereka koma dan sebelum ini dirawat di HRPZ II Kota Bharu tetapi kini menerima rawatan di HUSM

"Memang rasa ralat apabila kami tak dapat jaga emak kerana musibah ini sukarkan pergerakan kami, namun saya masih bersyukur apabila pihak hospital ambil tindakan segera dengan memindahkan emak ke sini," katanya.

Kata Faizul Izwan, kali terakhir dia melihat ibunya Zakiah Derahman pada Selasa lalu dan menerima panggilan daripada doktor yang merawat ibunya memaklumkan wanita itu perlu dipindahkan ke HUSM.

Menurutnya, keadaan HRPZ II yang ketika itu sudah dinaiki air berisiko kepada pesakit tenat seperti ibunya yang bergantung kepada oksigen sepenuh masa.

Malah, dia sendiri hampir terperangkap dalam banjir ketika melawat ibunya di HRPZ II apabila air naik secara tiba-tiba.

"Pihak hospital memindahkan emak pada Khamis dan ketika itu air sudah memenuhi pekarangan HRPZ II. Kami adik beradik tiada di samping emak ketika itu.

"Saya hanya tawakal dan berdoa supaya emak tidak apa-apa kerana dia koma sejak seminggu lalu kerana sakit jantung, buah pinggang, dan paru-paru selain buah pinggang," katanya.

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : SETEMPAT

30 pesakit kritikal dipindah

HRPZ II digenangi air setinggi lebih setengah meter

FOTO: ZAMAN HURI ISA DAN SYAMSI SUHAIMI

Kota Bharu

Seramai 500 pesakit masih dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) walaupun laluan keluar masuk hospital berkenaan dinaiki air lebih satu meter dan sudah melimpah lebih setengah meter ke wad aras bawah bangunan berkenaan.

Mengakui beroperasi dalam keadaan bersiap siaga dan berharap bekalan elektrik tidak putus dan banjir bertambah buruk, Pengarahnya, Datuk Dr Ghazali Hasni Md Hassan, berkata pihaknya hanya boleh memindahkan 30 pesakit yang kritikal dan memerlukan bantuan oksigen ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

"Lima ratus pesakit lain yang boleh bernafas sendiri kekal di sini termasuk 300 pesakit dari wad yang dinaiki air," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak boleh memindahkan semua pesakit ke HUSM kerana wad di situ juga sudah penuh.

"Kita tak boleh lambak semua pesakit kita di sana kerana katil HUSM hanya ada 720 sedangkan terbanyak adalah di HRPZ II iaitu sebanyak 920 katil," katanya.

Beliau berkata, sejak Rabu lalu, pengurusan hospital mengambil langkah berjaga-jaga apabila memindahkan 300 pesakit wad 1 hingga wad 10 ke bangunan baru yang berada di kedudukan lebih tinggi dan tidak dinaiki air.

Manakala, 30 pesakit kritikal dan bergantung kepada bantuan oksigen pula dipindahkan secara berperingkat ke HUSM.

"Ketika ini hospital masih menerima bekalan elektrik tetapi kita tidak dapat jangka berapa lama ia boleh bertahan disebabkan paras air yang semakin naik.

"Kerana risiko itu, maka kita perlu pindahkan pesakit yang tenat dulu sementara 500 pesakit yang boleh bernafas sendiri kekal di sini," katanya.

Dr Ghazali berkata, soal perkakasan perubatan tidak menjadi masalah utamanya kerana ia masih mencukupi, namun jumlah pesakit kritikal yang membimbangkannya.

Katanya, difahamkan HUSM tidak mampu lagi menampung pesakit luar disebabkan kekangan katil dan tempat.

"Dalam masa sama, jika banjir tidak surut, kita bimbang bekalan elektrik di sini terputus. Jika itu yang berlaku, maka keadaan kita juga tidak ubah seperti di Hospital Kuala Krai," katanya.

Beliau berkata, pihaknya masih memikirkan alternatif lain untuk beroperasi dengan baik dan hanya mampu berharap supaya banjir tidak bertambah buruk.

FAKTA
HUSM tidak mampu lagi menampung pesakit luar disebabkan kekangan katil dan tempat

KEADAAN HRPZ II dilimpahi air dari Sungai Kelantan melepasi hingga paras betis.

MAZLY Mohamed, 32, mencium anaknya, Muhammad Faris, tiga hari yang dilahirkan di Wad Bersalin HRPZ II ketika pihak hospital sibuk memindahkan pesakit berikutan air banjir mula memenuhi pekarangan hospital itu di Kota Bharu tiga hari lepas dan kini di tempatkan di Pusat Pemindahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Long Gafar (SMKLG) Kota Bharu.

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : SETEMPAT

FOTO: FATHIL ASRI

KAKITANGAN Klinik Kesihatan Bandar Kota Bharu dan bomba membawa keluar vaksin dan ubat untuk diletakkan di tempat selamat berikutan bekalan elektrik terputus.

Pindah 10 kotak vaksin

Kota Bharu: Seramai 10 kakitangan Klinik Kesihatan Bandar Kota Bharu melakukan proses pemindahan 10 kotak besar mengandungi vaksin untuk rawatan kepada kanak-kanak dan wanita ke beberapa klinik kesihatan lain yang tidak terjejas banjir, semalam.

Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Bandar Kota Bharu Dr Mohd Sukarno Saud berkata, proses pemindahan vaksin itu dilakukan bermula jam 10 pagi dan berakhir jam 3 petang semalam selepas klinik itu dinaiki air sejak kelmarin.

"Pemindahan vaksin ini dilakukan bagi menyelamatkan bahan itu daripada rosak berikutan Klinik Kesihatan Bandar Kota Bharu turut dilanda banjir sejak kelmarin.

"Bagi mengelakkan kerosakan, kami lakukan proses pemindahan vaksin dengan menggunakan khidmat bot yang disediakan Jabatan Bomba dan Penyelamat selain kenderaan Jabatan Kesihatan untuk disimpan di beberapa klinik kesihatan lain yang tidak terjejas dengan banjir," katanya.

Beliau berkata, pemindahan vaksin ini adalah kali kedua dilakukan pihaknya selepas ketika banjir melanda klinik berkenaan pada tahun 2004.

Katanya, proses pemindahan vaksin itu berjalan dengan lancar walaupun klinik kesihatan itu dinaiki air berikutan limpahan paras air Sungai Kelantan.

"Saya difahamkan keadaan air di sekitar kawasan klinik itu masih naik dan usaha menyimpan vaksin perlu dilakukan bagi memastikan bahan itu tidak rosak akibat banjir," katanya.

FAKTA
10 kakitangan klinik kesihatan dan bomba terbabit dalam proses pemindahan itu

AKHBAR : SUNDAY MAIL
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : TOP NEWS

Duty first for doctor at relief centre

By Alexander Winifred
alexander@mmail.com.my



(Top) Victims at the relief centre in Badang yesterday. (Inset) Dr Afiq. (Below) Residents receive medical attention. — Pictures courtesy of Dr Afiq

PETALING JAYA — A Kota Baru-based government doctor is facing challenges in attending to the needs of flood victims.

On Thursday, the Badang Health Clinic in Kota Baru, which Dr Afiq Rahim is attached to, was cut off from the rest of the world because of the floods and then water started flowing into the clinic.

In an instant, Dr Afiq's world turned upside down, as he was worried for his patients.

"I had five critically ill patients with me and I needed to get them to safety, in the fastest time possible," Dr Afiq said yesterday.

There was no leaving the clinic with water levels reaching knee-length inside the premise and waist-length outside.

"We had no choice but to stay in the clinic for the night," he said.

News came the next day (Friday) that help would come — in the form of a military helicopter that would transport the patients to Universiti Sains Malaysia Hospital in Kubang Kerian.

"We raced through flood waters to get to a higher point — a nearby school field," he said.

But it was getting dark and the helicopter could not locate their truck because of the rain and floods.

"We could see them, but they couldn't see us," he said.

As night came, Dr Afiq breathed a sigh of relief when the helicopter landed and residents helped to carry the patients aboard.

"I felt as if a weight had been taken off my shoulders," he said.

Now, Dr Afiq as well as two other doctors and 12 medical staff face a tougher challenge — attending to almost 2,140 flood victims at the Kijang relief centre — while also caring for the patients still based in the clinic.

Fresh water supply has been cut in the relief centre and Dr Afiq is worried about possible spread of cholera disease.

"I've seen two children who are already suffering from vomiting and diarrhea, and I fear the number of cases may increase," he said.

Dr Afiq and his team of medical staff are shuttling back and forth from the clinic to several relief centres, providing assistance to the flood victims.

"Another three relief centres were flooded, the authorities were forced to cramp the victims into two centres — which are becoming overcrowded.

"This centre was designed for just 500 to 1,000 people and now there is more than twice the number of evacuees here."

The dire situation led Dr Afiq to write on his Facebook seeking aid and assistance, which drew the public's attention.

"I decided to share pictures and stories of the situation so people would know what was really going on," he said.

"The problem is that the media have yet to report the reality of the situation."

Dr Afiq's posts have been shared 4,414 times as of 5pm yesterday.

However, the worst is far from over.

He said it was still raining in Badang and water levels continue to rise.

Food and medical supplies are running low and he is worried that it will run out within hours.

On the morning of the floods, Afiq called his father and his wife, informing them of the situation (Afiq's wife and children had relocated to Semerak a week ago).

"My wife asked me why I hadn't saved myself when I had the chance," he said.

"I told her my job was not just to save myself but also others. That was my ambition."

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said 35 patients from Kuala Krai Hospital had been transferred to Universiti Sains Malaysia Hospital to continue treatment.

Dr Subramaniam said the patients would be transferred via a helicopter from either the Royal Malaysian Police or the Malaysian Armed Forces, and if needed, the ministry would rent a helicopter for the purpose.

AKHBAR : MAKKAL OSAI
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : GENERAL NEWS

PESAKIT KRITIKAL DIPINDAH KE HUSM

வெள்ளம்; நோயாளிகள் எச்.யு.எஸ்.எம். மருத்துவமனைக்கு மாற்றப்படுவர்

புத்ரா ஜெயா , டிச. 28 –

கிளந்தான் வெள்ளத்தால் மோசமாக பாதிக்கப்பட்டிருக்கும் மருத்துவ மனைகளில் இருக்கும் ஆபத்துக்கிடமான நோயாளிகள் அனைவரும் குபாங் கிரியான் மாவட்டத்தில் உள்ள மலேசிய அறிவியல் பல்கலைக் கழக மருத்துவமனைக்கு (எச்.யு.எஸ்.எம்.) விரைந்து மாற்றப்படுவர் என்று சுகாதார அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் எஸ். சுப்பிரமணியம் தெரிவித்தார்.

இதுவரையில் கோல கிராய் மருத்துவமனையிலிருந்து இவ்வாறான 35 நோயாளிகள் இந்த எச்.யு.எஸ்.எம். மருத்துவமனைக்கு மாற்றப்பட்டிருக்கின்றனர். மேலும் கோலகிராய் மருத்துவமனையைச் சேர்ந்த மூவரும், தும்பாட் மருத்துவமனையைச் சேர்ந்த இருவரும், பாசீர் மாஸ் மருத்துவமனையைச் சேர்ந்த இருவரும் நேற்று மாலையில் இந்த மருத்துவமனைக்கு மாற்றப் பட்டனர்.

புத்ரா ஜெயாவில் நேற்று வெள்ளத்தைச் சமாளிப்பதற்கான சுகாதார அமைச்சின் அவசரக் கூட்டத்திற்கு தலைமையேற்றப் பின்னர் செய்தியாளர்களிடம் அமைச்சர் இந்த விவரங்களைக் கூறினார்.

Semua pesakit kritikal hospital di Kelantan yang terjejas akibat banjir akan dipindahkan segera ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata setakat ini seramai 35 pesakit kritikal di Hospital Kuala Krai sudah dipindahkan, manakala tiga lagi akan dipindahkan hari ini. “Selain itu, terdapat tiga lagi pesakit kritikal yang akan dipindahkan dari Hospital Tumpat dan dua lagi dari Hospital Pasir Mas,” katanya.

AKHBAR : NANBAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : GENERAL NEWS

BANJIR: PESAKIT KRITIKAL DI HOSPITAL KELANTAN DIPINDAHKAN

மக்களுக்கு உதவ அமைச்சு நடவடிக்கை

புத்ரா ஜெயா, டிச.28 - நாட்டில் வெள்ளப் பேரிடர் ஏற்பட்டிருக்கும் இக்கால கட்டத்தில் அனைவரும் அமைதி நிலையைக் கடைப்பிடித்து ஒத்துழைப்பு நல்க வேண்டுமென சுகாதார அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் ச.சுப்பிரமணியம் கேட்டுக் கொண்டார். நேற்று புத்ரா ஜெயாவில் சுகாதார அமைச்சின் தலைமையகத்தில் நடைபெற்ற பத்திரிகையாளர் சந்திப்புக் கூட்டத்தில் இதனைத் தெரிவித்தார். இது குறித்து அவர் மேலும் பேசுகையில் :-

இப்பொழுது நாட்டில் ஏற்பட்டிருக்கும் வெள்ளப் பேரிடர் காரணமாக பல மாநிலங்களில் இருக்கக் கூடிய மருத்துவமனைகளும் சுகாதார மையங்களும் பாதிப்படைந்துள்ளன. பாதிப்படைந்துள்ள மருத்துவமனைகளில் தொடர்ந்து சுகாதார சேவைகளை வழங்குவதில் சிக்கல்களையும் சவால்களையும் நாங்கள் எதிர்நோக்கியுள்ளோம். அதிலும் குறிப்பாக, கிளந்தான் மாநிலத்தில் இருக்கக் கூடிய கோலக்கிரா, குவா மூசாங், தானா மேரா ஆகிய மருத்துவமனையில் இச்சிக்கல் ஏற்பட்டுள்ளது.

மேலும், இந்த அவசர சந்திப்புக் கூட்டத்தில் இப்பிரச்சினைகளைச் சமாளிப்பது குறித்து கலந்துரையாடப்பட்டது மட்டுமின்றி அங்குள்ள மக்கள் உடனடி அமலாக்கத்திற்குக் கொண்டு வரும் முயற்சியில் சுகாதார அமைச்சு இறங்கியுள்ளது. இது மிகவும் சவால்மிக்க காலக்கட்டமாக இருந்தாலும், சுகாதார அமைச்சு கையாண்டு வரும் முயற்சிகளின் வாயிலாகவும் சேவைகளின் வழியாகவும் அடிப்படைப் பிரச்சினைகளைத் தீர்க்க முடியும் என்ற நம்பிக்கை சுகாதார அமைச்சுக்கு இருக்கின்றது. தேவையற்ற வதந்திகளைச் சமூக வலைத்தளங்களில் பரப்ப வேண்டாம். தேவையற்ற வதந்திகள் பரவுவதால் அது பொதுமக்களிடையே பதற்ற நிலையையும் பீதியையும் ஏற்படுத்தக்கூடும். இதனால், அரசாங்கமும் சுகாதார அமைச்சு பிரச்சினைகளைக் கையாள்வதற்கு எடுக்கக்கூடிய முயற்சிகள் அனைத்தையும் முழுமையாகச் செயல்படுத்துவதில் பிரச்சினைகளையும் சிக்கல்களையும் எதிர்நோக்கும் வாய்ப்பு அதிகம் இருக்கின்றது என அமைச்சர் சுப்பிரமணியம் பத்திரிகையாளர் சந்திப்புக் கூட்டத்தின் வழி கேட்டுக் கொண்டார்.

Pesakit kritikal di hospital yang terjejas banjir di Kelantan akan segera dipindahkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian untuk mendapat rawatan lebih baik. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata sehingga kini seramai 35 pesakit dari Hospital Kuala Krai telah dipindah ke HUSM.

AKHBAR : TAMIL NESAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : GENERAL NEWS

BANGUNAN BARU UNTUK HOSPITAL BERSALIN DAN PEDIATRIK DALAM HOSPITAL PULAU PINANG – MENTERI KESIHATAN

கிளந்தானில் கடுமையான நோய் கண்டவர்கள் அறிவியல் பல்கலைக்கழக மருத்துவமனைக்கு மாற்றப்படுவர்

புத்ரா ஜெயா, டிச. 28-

வெள்ளத்தால் பாதிக்கப்பட்டு கிளந்தான் மருத்துவமனைகளில் சிகிச்சை பெற்றுவரும் கடுமையான நோய் கண்டவர்கள் உடனடியாக மீரங்கு அறிவியல் பல்கலைக்கழக மருத்துவமனைக்கு மாற்றப்படுவர்.

இதனைத் தெரிவித்த சுகாதார அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் எஸ்.சுப்ரமணியம், இதுவரை 35நோயாளிகள் மாற்றப்பட்டுள்ளதாகவும் கோல கிராய் மருத்துவ மனையிலிருந்து 3 பேரும் தும்பாட்டிலிருந்து இருவரும் பாசிர் மாஸிலிருந்து இருவரும் மீரைவில் மாற்றப்படுவர் என அவர் தெரிவித்தார்.

14ஆம் பக்கம் பார்க்க...

வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்பட்ட மருத்துவமனை டாக்டர் சுப்ரமணியம் பார்வையிட்டபோது

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சிகள்...

கிளந்தானில் கடுமையான....

நோயாளிகளுக்கு சிகிச்சை அளிக்க குவா முசாங் மற்றும் தான மேரா மருத்துவமனைகள் முழு வீச்சாக செயல்படுவதாகவும் கடுமையான நோய் கண்டவர்கள் அறிவியல் பல்கலைக்கழகத்திற்கு மாற்ற ஹெலிகாப்டர்களின் உதவி நாடப்பட்டுள்ளதாகத் தெரிவித்தார்.

மருத்துவமனைகளில் சுத்தமான குடிநீர் வசதி செய்து தரப்பட பஹ்லாக் நியாகா நிறுவனத்தின் உதவி கிடைப்பதாகவும் கோல கிராய் மருத்துவமனைக்கு 300 கிலோ உணவுப் பொருள்கள் அனுப்பப்பட்டுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

அம்மருத்துவமனையில் நோயாளிகளின் எண்ணிக்கை உயர்ந்து வருவதால் ராஜா பெர்மைசுரி எனைப் 2 மருத்துவமனையிலிருந்து 72 மருத்துவத் தாதியர் அனுப்பப்பட்டுள்ளதாகவும் தேவை ஏற்பட்டால், மற்ற மாநிலங்களிலிருந்து 200 தாதியர் கிளந்தான் மாநிலத்திற்கு அனுப்பப்படுவர் என்றும் அவர் தெரிவித்தார்.

சுகாதார அமைச்சின் நடமாடும் சுகாதார கிளினிக்குகள் தற்காலிக தங்குமிடங்களில் இருக்கும் நோயாளிகளுக்கு சிகிச்சை வழங்கி வருவதாகவும் மருத்துவமனைகள் போதுமான மருந்துகளை கையிருப்பை சீராக வைத்திருக்க, தகுந்த நடவடிக்கை எடுத்து வருவதாகவும் டாக்டர் சுப்ரமணியம் தெரிவித்தார்.

மருந்துகள் கடுமையாகத் தேவைப்படும் மருத்துவமனைகளுக்கு அவற்றை ஹெலிகாப்டர் மூலம் கொண்டு செல்ல நடவடிக்கை எடுத்துள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார். இதனிடையே தேர்தல் வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்பட்ட கிளாந்தான் கோலக்கிராய் மருத்துவமனையை டாக்டர் சுப்ரமணியம் நேரில் சென்று கண்டார். மிகவும் கடுமையாக பாதிக்கப்பட்ட நோயாளிகள் இதர மருத்துவமனைக்கு கொண்டுச் செல்லப்படுவார்கள் என்றும் அவர் தெரிவித்தார்.

Semua pesakit kritikal hospital di Kelantan yang terjejas akibat banjir akan dipindahkan segera ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata setakat ini seramai 35 pesakit kritikal di Hospital Kuala Krai sudah dipindahkan, manakala tiga lagi akan dipindahkan hari ini. “Selain itu, terdapat tiga lagi pesakit kritikal yang akan dipindahkan dari Hospital Tumpat dan dua lagi dari Hospital Pasir Mas,” katanya. Beliau berkata pesakit tersebut akan dipindahkan dengan menggunakan helikopter Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia, namun jika kedua-dua pasukan keselamatan itu tidak dapat membantu, kementerian akan menyewa sendiri helikopter.